

AMALAN DAN CABARAN PEMBELAJARAN AL-QURAN MURID SEKOLAH RENDAH

[THE PRACTICES AND CHALLENGES OF LEARNING THE QUR'AN FOR PRIMARY SCHOOL STUDENTS]

BAIDURI DRIS^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: nurulizyani8580@gmail.com

Received: 10 July 2023

Accepted: 30 July 2023

Published: 29 August 2023

Abstrak: Program j-Qaf ialah satu program yang mensasarkan murid sekolah rendah khatam Al-Quran sebelum tamat darjah enam. Dalam Program j-Qaf, murid Tahun 1 mula diajar buku Iqra 1 hingga 6 terlebih dahulu sebelum masuk ke bacaan al-Quran sepenuhnya selepas 6 bulan pertama pembelajaran. Tujuannya adalah untuk memahirkan murid tentang makhraj huruf, cara bacaan dan hukum tajwid apabila membaca al-Quran kelak. Sungguhpun begitu, masih terdapat murid yang sudah tamat darjah enam namun masih belum khatam Al-Quran malah ada yang tidak menguasai bacaan Al-Quran. Justeru, objektif penulisan ini adalah untuk mengenalpasti amalan dan cabaran pembelajaran al-Quran murid sekolah rendah. Ianya adalah lanjutan daripada masalah masih terdapat murid sekolah rendah yang tidak khatam Quran dan tidak menguasai bacaan al-Quran dengan baik di bawah program j-Qaf. Kajian ini dilaksanakan dengan membuat tinjauan bacaan dari sudut amalan dan cabaran pembelajaran Al-Quran murid sekolah di rendah. Selepas membuat pembacaan di laman penulisan, didapati beberapa amalan dan cabaran terhadap pembelajaran Al-Quran murid sekolah rendah yang menjadi antara sebab mereka kurang menguasai bacaan dan tidak khatam Al-Quran. Justeru, penulisan ini dibuat adalah untuk membincangkan perkara tersebut.

Kata Kunci: program j-Qaf, mengenal pasti, amalan pembelajaran Al-Quran, cabaran.

Abstract: The j-Qaf program is a program that targets primary school students who finish the Al-Quran before the end of sixth grade. In the j-Qaf Program, Year 1 students are taught Iqra books 1 to 6 first before going into full Quran reading after the first 6 months of learning. The purpose is to teach students about the letters of the alphabet, the way of reading and the law of tajwid when reading the Qur'an in the future. Even so, there are still students who have finished the sixth grade but have not finished the Al-Quran and some have not mastered the recitation of the Al-Quran. Therefore, the objective of this writing is to identify the practices and challenges of learning Al-Quran among primary school students. It is an extension of the problem that there are still primary school students who do not finish the Quran and do not master the recitation of the Quran well under the j-Qaf program. This study was carried out by conducting a reading survey from the perspective of the practice and challenges of Al-Quran learning among primary school students. After doing the reading on the writing page, it was found that there are some practices and challenges to the Al-Quran learning of primary school students which is one of the reasons they lack mastery in reading and do not finish the Al-Quran. Therefore, this writing was made to discuss the matter.

Keywords: j-Qaf program, identifying, Quranic learning practices, challenges.

Cite This Article:

Baiduri Dris & Hafizhah Zulkifli. (2023). Amalan dan Cabaran Pembelajaran Al-Quran Murid Sekolah Rendah [The Practices and Challenges of Learning The Qur'an For Primary School Students]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(3), 28-37.

PENDAHULUAN

Pembelajaran tilawah al-Quran merupakan satu bidang yang sentiasa diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Semenjak wujudnya mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kurikulum pendidikan di Malaysia, kaedah dan teknik pembelajaran sentiasa ditambah baik dari masa ke masa melalui kesinambungan usaha para pelajar dan pengamal al-Quran. Sehingga hari ini, amalan-amalan pembelajaran al-Quran sentiasa dikaji keberkesanannya baik dalam sistem pembelajaran formal maupun tidak formal. Penulisan ini akan memberi gambaran terhadap amalan pembelajaran al-Quran yang sedia ada dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh murid sekolah rendah dalam mempelajari bidang al-Quran.

Pembelajaran al-Quran bermula sejak dari turunnya wahyu yang diutuskan oleh Allah kepada nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril a.s selama 23 tahun. Malaikat Jibril a.s telah mengajar nabi Muhammad membaca al-Quran ketika turunnya ayat pertama dengan membimbing nabi Muhammad membaca disebabkan baginda tidak pandai membaca. Pembelajaran secara talaqqi musyafahah adaalah kaedah pertama dan utama yang telah diajar oleh malaikat Jibril a.s kepada nabi Muhammad SAW. Kemudian baginda langsung mengajar al-Quran kepada kaum kerabat dan para sahabat seperti mana ayat yang diterima. Pengajaran al-Quran dimulakan oleh Rasulullah di Institusi Al-Arqam bin Abi Al-Arqam di Assafah, Mekah pada tahun 610 Masihi. Di sinilah bermulanya era pendidikan Islam dan al-Quran (Barnadib, 1985:85). Pada peringkat awal pembelajaran al-Quran juga, Rasulullah mengajar para sahabat menghafal a-Quran. Ketika itu, lahirlah ramai penghafal Al-Quran hasil dari didikan baginda SAW, antaranya ialah Uthman Bin Affan, Abu Bakar Al-Siddiq, Abdullah Bin Mas'ud, Aisyah dan Hafsa (al-Buti, 1991). Kemudian, selepas kewafatan baginda Rasulullah saw apabila berlakunya perang menentang golongan murtad ramai para sahabat yang hafal al-Quran telah gugur syahid. Rentetan daripada peristiwa ini, usaha mengumpul ayat al-Quran telah dilakukan. Sehingga kemudian al-Quran ditulis dan dicetak serta disebar luas ke seluruh dunia. Di Malaysia, pembelajaran al-Quran merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari di sekolah baik di sekolah rendah maupun di sekolah menengah.

TINJAUAN LITERATUR

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha mewujudkan budaya al-Quran dalam sistem pendidikan. Kesungguhan usaha ini terbukti dengan adanya program J-Qaf yang mula dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah KPM sejak 2005. Program J-Qaf merupakan sokongan kepada peningkatan Pendidikan Islam yang bertujuan memperkasakan Pendidikan Islam yang sedia ada. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam, anak-anak yang diberi pendedahan tentang pendidikan al-Quran sejak kecil lagi berupaya memberi kesan yang sangat positif terhadap pembentukan aqidah dan akhlak mereka (Yusuf, 2005). Program J-Qaf memberi penekanan khusus kepada model-model tertentu iaitu Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (Daud Ismail et.al., t.th). Pelaksanaan Model Khatam Quran dalam program ini

dilaksanakan di peringkat sekolah rendah di mana murid Islam dikehendaki untuk mengkhatamkan al-Quran semasa sekolah rendah. Pelaksanaan jadual waktu pula ditambah dari 6 waktu yang asal kepada 8 waktu yang mana 2 waktu tambahan adalah pembelajaran Tasmik al-Quran.

Semenjak pelaksanaan program ini, pembelajaran al-Quran yang merupakan salah satu fokus utama yang diberi perhatian dalam mencapai objektif program. Pada peringkat awal, pelbagai masalah telah dikenal pasti mengekang usaha kementerian mencapai hasrat tersebut. Ini adalah kerana berbagai keperluan asas dalam pengajaran dan pembelajaran masih tidak mencukupi seperti tenaga pengajar berwibawa, alat bantu mengajar dan peruntukan masa yang ditetapkan (Abdul Halim et al., 2005). Masalah pembelajaran bukan hanya disebabkan oleh faktor tersebut malah sikap murid yang tidak memberi tumpuan terhadap pembelajaran al-Quran juga menjadi sebab kepadakekangan tersebut. Murid sekolah rendah masih kurang memahami kepentingan belajar al-Quran berikutan kurang pendedahan terhadap kepentingan tersebut. Terdapat ramai di kalangan murid yang tidak menguasai tajwid bacaan malah tidak mempunyai tahap kemahiran bacaan yang dikehendaki (Daud et al., 2014). Ketika berada di rumah bersama keluarga segelintir mereka didapati banyak terdedah dengan media sosial dan hiburan. Permasalahan membaca al-Quran semakin meningkat berikutan anak-anak zaman kini lebih banyak menghafal lirik-lirik lagu (Maimunah Hamid, 2016). Selain itu murid memerlukan inovasi, metode dan kelainan aktiviti bagi mengelakkan kebosanan dalam pembelajaran (Nur Afif, 2019). Syed Qutub dalam kitab *Ma'alim fi al-Tariq* menjelaskan, al-Quran mestilah dipelajari tidak hanya untuk menjadi bahan kajian dan diperdengarkan bacaan semata-mata tetapi benar-benar untuk dilaksanakan. Ibubapa sewajarnya menerapkan pemahaman awal tentang kepentingan mempelajari al-Quran sebelum anak-anak berada di bangku sekolah. Kanak-kanak perlu didedahkan tentang kepentingan membaca al-Quran terlebih dahulu sebelum mempelajarinya secara mendalam. Abu Umamah meriwayatkan, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bacalah Al-Quran, kerana sesungguhnya ianya akan datang di hari kiamat memberi syafaat kepada pembacanya”[Riwayat Muslim, no hadis. 804]. Oleh yang demikian, mempelajari Al-Quran bukan sahaja untuk mencapai kejayaan dunia namun lebih kepada kesejahteraan akhirat. Ibubapa adalah orang yang paling besar tanggungjawabnya terhadap galakan mempelajari al-Quran kepada anak-anak selain guru di sekolah. Selain itu, adab dan akhlak terhadap al-Quran juga sangat penting diterapkan kepada murid-murid dan diharapkan dapat melahirkan insan yang beramal dengan akhlak al-Quran (Mohd. Faisal et al., 2008).

Minat murid juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian al-Quran anak-anak. Pendekatan cara lama mungkin kurang menarik minat murid membaca al-Quran selain leka dengan gajet dan tidak wujud budaya membaca al-Quran di rumah. Murid hanya belajar al-Quran di sekolah dan tiada diaplikasikan di rumah. Oleh yang demikian, minat murid terhadap al-Quran haruslah disemai dan dipupuk terlebih dahulu sebelum mereka terdedah dengan perkara-perkara lain yang melalaikan.

PERNYATAAN MASALAH

Model Khatam Al-Quran merupakan satu daripada fokus besar program j-Qaf namun masih terdapat murid yang tidak khatam al-Quran walaupun telah tamat darjah enam. Keupayaan

membaca secara tartil dan seterusnya mengkhatamkan al-Quran mengikut tata tertib yang digariskan oleh ulama ulumul Quran tidak mencapai sepenuhnya menggugat usaha membina generasi al-Quran lantaran kelemahan dalam kemahiran bacaan, kelancaran, fasohah serta tilawah al-Quran bertajwid. Hukum tajwid tidak ditekankan secara mendalam dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang berlangsung di sekolah rendah (Abdul Halim, 2013). Masih terdapat murid yang sudah khatam Al-Quran namun tidak menguasai hukum tajwid dengan baik. Menurut Atikah dan Noornajihan (2018), isu-isu yang wujud dalam pengajaran Pendidikan Islam komponen Tilawah Quran di sekolah-sekolah di Malaysia adalah kelemahan pelajar dalam aspek bacaan al-Quran. Bacaan mereka masih melanggar hukum tajwid walaupun bagi kesalahan-kesalahan hukum yang mudah. Meskipun kemahiran yang diajar dalam silibus pembelajaran al-Quran sekolah rendah meliputi semua aspek hukum tajwid mudah namun ianya masih belum dapat dikuasai selama enam tahun tempoh pembelajaran sekolah rendah.

OBJEKTIF:

Objektif penulisan ini adalah untuk mengenalpasti apakah amalan-amalan pembelajaran al-Quran di kalangan murid sekolah rendah. Fokus amalan bukanlah sahaja ditumpukan kepada amalan di rumah namun juga amalan-amalan murid bersama guru ketika berada di sekolah. Seterusnya, objektif juga ditumpukan kepada cabaran-cabaran terhadap pembelajaran al-Quran murid sekolah rendah. Cabaran-cabaran yang diambil kira ialah cabaran yang dihadapi oleh murid yang boleh menjurus kepada murid tidak khatam Quran sekolah rendah dan tidak menguasai ilmu tajwid dengan baik.

KAJIAN AMALAN PEMBELAJARAN AL-QURAN

Kaedah talaqqi musyafahah adalah salah satu kaedah pengajaran al-Quran yang biasa digunakan oleh guru-guru di sekolah untuk mengajar murid membaca al-Quran. Ia adalah dari dua perkataan Bahasa Arab iaitu *talaqqī* yang bermaksud berjumpa dan *mushāfahah* yang bermaksud murid mempelajari al-Quran secara mulut ke mulut ketika berhadapan dengan guru. Perkataan talaqqi ada disebut dalam al- Quran Surah an-Naml ayat 6 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar ditalaqqikan al-Quran daripada sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha mengetahui(melalui perantaraan Jibril). ” Kaedah ini merupakan satu kaedah yang dianjurkan dan diamalkan oleh nabi Muhammad SAW ketika mengajarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat baginda.

Kaedah ini masih diamalkan oleh guru-guru di sekolah untuk memastikan murid dapat menyebut dan membaca ayat al-Quran dengan baik. Kaedah ini dilaksanakan dalam waktu tasmik dan semasa pembelajaran subjek al-Quran. Melalui kaedah ini, murid akan duduk di berhadapan dengan guru dan melihat pergerakan bibir guru semasa guru membaca kemudian murid akan mengikuti bacaan guru. Semenjak diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, kaedah talaqqi dan musyafahah menjadi tunjang bagi melahirkan murid-murid yang boleh membaca dengan baik dan tepat (Mohd, Hanafi & Hamdi, 2016).

Kaedah talaqqi ini masih digunakan dalam sesi pembelajaran walaupun telah digelar kaedah tradisional. Kebanyakan murid belajar secara talaqqi dan musyafahah bersama guru di dalam kelas dan ianya menjadi pemangkin bagi murid yang ingin belajar dan membetulkan bacaan mereka. Wujud hubungan yang signifikan apabila kaedah ini digunakan oleh para guru yang memulakan sesi pengajaran tilawah dan tahfiz al-Quran (Mohd Nahi, 2018). Dalam situasi yang sama, murid yang lambat menguasai pembelajaran akan mengulang-ulang bacaan di hadapan guru dan ini akan memberi kesan kepada murid tersebut agar melakukan perkara yang sama iaitu dengan mengulang-ulang bacaan apabila sampai di rumah jika diminta berbuat demikian oleh guru. Pengamalan kaedah talaqqi musyafahah dalam pembelajaran al-Quran khususnya di peringkat sekolah rendah telah lama berlangsung. Hal ini dijelaskan Mohd. Aderi 2015, yang menyatakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan panduan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Selain kaedah talaqqi dan musyafahah, murid juga belajar dengan kaedah tasmik. Model Tasmik Khatam Al-Quran ialah satu program yang termasuk dalam program j-Qaf. Ianya bertujuan untuk membimbing dan merekod perkembangan bacaan Iqra dan al-Quran murid sekolah rendah. Kaedah ini dilaksanakan untuk membolehkan guru membetulkan bacaan murid di mana murid akan memperdengarkan bacaannya di hadapan guru dan guru akan terus membetulkan bacaan murid sekiranya berlaku kesilapan. Murid kemudian akan mengulang-ulang sebutan dan cara bacaan yang betul sehingga guru berpuas hati dengan bacaan tersebut. Dalam model Tasmik ini, murid mendapat bimbingan secara individu dan berfokus dari gurunya (Zainal Abiden & Mohd. Isa, 2022).

Pembelajaran Abad Ke-21 adalah satu kaedah pembelajaran yang memberi fokus terhadap aktiviti murid berunsurkan beberapa elemen tertentu. Antara penekanan pembelajaran PAK 21 ialah berpusatkan murid, kolaboratif, menggalakkan murid berkomunikasi dan menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Murid sekolah rendah telah mula didedahkan dengan gaya pembelajaran PAK-21 ini semenjak tahun 2014 dan kini ianya menjadi isu utama dalam dunia pendidikan di Malaysia kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan dunia masa kini. Oleh yang demikian, murid yang belajar Al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam juga mengikuti gaya pembelajaran PAK-21. Murid juga didedahkan terhadap aktiviti yang berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan dengan penyediaan bilik darjah bersesuaian dan disusuli dengan penyediaan rancangan mengajar serta pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21. Selain itu, murid juga tidak ketinggalan mengikuti pembelajaran menggunakan audio bacaan al-Quran, video pembelajaran al-Quran, serta rakaman bacaan mengenai hukum-hukum tajwid. Hal ini disebabkan paradigma baru PAK 21 memerlukan PdPc berbentuk dinamik untuk mendidik generasi muda yang dipengaruhi oleh revolusi teknologi digital (Benade, L., 2015).

Bagi murid yang tinggal di kawasan bandar, mereka adalah pengguna telefon pintar. Kebanyakan ibubapa mampu menyediakan platform pembelajaran atas talian untuk memudahkan anak-anak mereka membuat rujukan. Mengikut gaya pembelajaran trend terkini, murid lebih berminat belajar jika menggunakan aplikasi telefon pintar, tablet atau laptop. Seperti juga mata pelajaran lain seperti Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, guru pendidikan Islam juga ada menyediakan pembelajaran dengan memuat naik video pembelajaran dalam TikTok. Media sosial seperti aplikasi TikTok memberikan impak yang

besar dalam pendidikan generasi masa kini. Pendedahan ilmu Al-Quran yang luas di aplikasi TikTok boleh memberikan kesan yang positif kepada mereka (Wardah Hanani et al., 2023). Para pencinta al-Quran telah banyak memuat naik pembelajaran al-Quran menerusi TikTok, malah pembelajaran Tarannum pun sangat mudah didapati di TikTok. Tambahan sekarang banyak terdapat video-video pembelajaran al-Quran yang sesuai dengan kanak-kanak. Pada peringkat usia murid sekolah rendah, mereka sangat meminati video-video animasi yang disesuaikan dengan suara bacaan al-Quran. Dengan adanya kemudahan laman-laman pembelajaran seperti ini, murid boleh mengulangkaji pembelajaran al-Quran di rumah pada bila-bila masa pada waktu cuti atau hujung minggu tanpa terikat dengan jadual sekolah. Sementara bagi murid yang tidak mempunyai kemudahan seperti tersebut, mereka akan membuat pembelajaran kendiri dengan mengulangkaji sendiri melalui buku teks atau al-Quran mereka sendiri di rumah dengan merujuk kepada ahli keluarga, rakan atau jiran. Tidak kurang juga murid yang belajar melalui modul tertentu yang senang didapati di aplikasi You Tube. Sumbangan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran telah membuka jalan dan ruang kepada masyarakat untuk lebih dekat dengan al-Quran (Nur Madiha & Hafiz, 2021).

CABARAN PEMBELAJARAN AL-QURAN MURID SEKOLAH RENDAH

Pengaruh persekitaran sosial yang melingkungi kehidupan seorang murid sangat memberi kesan terhadap pengaruh aktiviti pembelajaran individu. Lokasi kediaman dan persekitaran murid menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi sikap dan minat murid terhadap pembelajaran al-Quran. Dalam konteks ini, ianya meliputi sekolah, kelas, kawan, persekitaran tempat tinggal, sikap ibubapa, kebudayaan serta amalan pembelajaran sesuatu komuniti tertentu. Persekutuan sosial dengan pelbagai faktor dan sumber akan membentuk perilaku manusia mengikut keyakinan terhadap amalan kebiasaan dan adat tradisi serta nilai-nilai akhlak dan agama (Muhd. Hanafi & Hamdi, 2016). Gaya pembelajaran akan terbentuk melalui amalan kebiasaan serta respon persekitaran terhadap aktiviti pembelajaran. Contohnya seorang murid diberi tugas menghafal sesuatu surah, apabila tugas menghafal dilakukan di rumah dengan suasana persekitaran yang bising dan tidak kondusif proses menghafal akan terganggu dan tidak membantu murid tersebut. Keinginan untuk berusaha menghafal akan terjejas dan mengurangkan motivasi murid tersebut. Namun jika persekitaran memberi respon yang membantu seperti menghadkan aktiviti sosial sehingga jam tertentu untuk memberi laluan kepada anak-anak belajar dan membuat tugas pembelajaran sudah pasti murid lebih fokus terhadap pembelajaran. Budaya pendidikan dalam suatu keluarga menjadi ejen pembentuk kepada amalan dan sikap murid terhadap pembelajaran serta akhlak dalam kehidupan.

Semasa waktu pembelajaran, sikap murid dan amalan pembelajaran murid memberi kesan yang besar terhadap motivasi pembelajaran al-Quran. Menurut Ibnu Khaldun (2000), epistemologi Islam mempunyai kaitan yang rapat dengan potensi kognitif yang terdapat dalam prinsip-prinsip psikologi. Terdapat murid yang rajin belajar namun lemah dalam mengingat pelajaran menyebabkan mereka merasa tidak yakin diri kepada pencapaian diri sendiri dan akhirnya mereka beralih kepada aktiviti lain seperti bermain dan menonton televisyen. Tidak dinafikan terdapat segelintir murid mengambil sikap ambil mudah atau sambil lewa terhadap pembelajaran al-Quran. Mereka belajar bukan kerana minat namun sekadar mengikuti kelas wajib seperti kelas Tasmik dan kelas KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain). Mereka merasa

kewajiban belajar al-Quran adalah kerana terpaksa hadir kelas sewaktu persekolahan dan jika tidak hadir mereka dianggap ponteng lalu melakukan kesalahan disiplin, atau takut kena marah ibubapa atau guru. Mutakhir ini masyarakat dibebankan dengan sikap segelintir pelajar tanpa mengira sama ada di sekolah rendah mahupun menengah, juga dalam aliran akademik atau agama yang boleh dianggap sebagai “parasit masyarakat” sering ponteng dan tidak hadir ke sekolah (Isa Ramli, 2019).

Negara Malaysia yang dihuni oleh majoriti masyarakat muslim adalah sebuah negara yang menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi. Sungguhpun demikian, masih terdapat ramai ibubapa yang lebih mementingkan akademik lain berbanding subjek al-Quran atau lebih-lebih lagi subjek Pendidikan Islam. Sebagai langkah permulaan, mereka perlu didekatkan dengan al-Quran dengan cara mendampinginya melalui bacaan sebagai wahana untuk menjelaskan kepada mereka asas-asas utama syariat Islam memahami dan mempraktikkan ajarannya di dalam kehidupan (Mohd. Hanafi & Hamdi 2016). Ibubapa lebih cenderung menghantar anak mereka bersekolah di sekolah aliran biasa berbanding sekolah aliran agama. Sesetengah ibubapa menganggap belajar agama tidak menjamin masa depan malah sukar mendapat pekerjaan. Akibat daripada perspektif begini, sekolah-sekolah agama hanya untuk golongan cenderung agama sahaja namun bukan untuk masyarakat menyeluruh. Tidak dinafikan ada ibubapa yang sanggup membayar yuran tuition yang mahal untuk anak mereka mengikuti kelas Matematik, bahasa Inggeris dan Sains namun anak tidak berpeluang mengaji al-Quran.

Dalam dunia kanak-kanak, rakan sebaya adalah sebahagian dari orang yang mereka ingin dampingi selalu. Jika pergaulan tidak di kawal oleh ibubapa, kanak-kanak pada usia di bawah 12 tahun akan mudah terpengaruh dengan aktiviti rakan sebaya. Mereka akan berpeleseran dan menghabiskan masa dengan melepak atau merayau-rayau tanpa arah tujuan selepas waktu persekolahan. Terdapat juga murid yang bermain telefon bimbit tanpa pengawasan ibubapa dan secara tidak langsung ianya akan melibatkan mereka dengan permainan dalam talian bersama-sama rakan yang lain. Menurut Madon dan Ahmad (2004), teman sebaya adalah sekumpulan anak-anak yang memiliki tingkatan umur yang sama darinya. Dalam dunia kanak-kanak, rakan sebaya adalah sebahagian dari orang yang mereka ingin mereka dampingi selalu. WJS. PoerWardaminta (2017), mengatakan bahawa pengaruh merupakan suatu daya yang ditimbulkan oleh sesuatu hal, baik orang maupun benda. Kesilapan memilih kawan boleh membawa kepada masalah-masalah yang tidak diingin. Masa yang sepatutnya digunakan untuk pengajian telah disia-siakan dan keseronokan inilah yang melalaikan mereka dari pada belajar al-Quran malah ada yang sampai tidak menyiapkan kerja rumah.

Selepas berlakunya wabak Covid - 19 yang melanda seluruh dunia semenjak 2019 yang lalu sistem pendidikan negara terjejas secara umumnya dan pembelajaran al-Quran khususnya. Kaedah tradisional seperti talaqqi musyafahah secara berdepan tidak dapat dijalankan semasa pembelajaran kerana menggunakan kaedah atas talian. Lebih memburukkan keadaan terdapat murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran kerana tinggal di kawasan yang tiada liputan rangkaian internet. Ramai murid yang terkesan dari segi pencapaian al-Quran. Cabaran dari pihak pelajar ialah capaian internet, tiada kemudahan peranti, suasana pembelajaran yang tidak kondusif serta penyalahgunaan internet (Siti Azura et al., 2021). Untuk meningkatkan semula bacaan al-Quran selepas musim pandemik merupakan cabaran bagi murid ini kerana dalam

masa yang sama mereka juga terpaksa berusaha meningkatkan pencapaian dalam matapelajaran-matapelajaran yang lain. Bagi murid yang tinggal di kawasan bandar pula, masa pandemik yang lalu telah memberi peluang kepada mereka memiliki telefon pintar. Penggunaan telefon pintar bukan sahaja digunakan untuk belajar malah digunakan untuk bermain video permainan atas talian. Lanjutan daripada itu, minat terhadap pembelajaran al-Quran secara tidak langsung telah terhakis sedikit demi sedikit.

Lonjakan teknologi terkini juga menjadi satu cabaran dalam pembelajaran al-Quran terutama murid sekolah rendah. Pelbagai aplikasi permainan dalam talian telah dibangunkan oleh syarikat-syarikat teknologi. Pengeluaran permainan-permainan baru yang lebih menarik telah menimbulkan rasa seronok dan ketagih di kalangan pemain menyebabkan mereka leka dan tidak menghiraukan tugas-tugas sebagai seorang murid. Lebih-lebih lagi dengan kewujudan siber kafe yang kebanyakannya menyediakan permainan tidak mengira peringkat usia. Menurut Baharum et al., (2021), jumlah pemain video akan meningkat kepada 2.7 bilion pada tahun 2021 berbanding tahun 2014 sebanyak 1.4 juta orang. Oleh itu kerana itu, banyak masa mereka mungkin dihabiskan untuk bermain permainan video (Baharum et al., 2021). Permainan dalam talian pada mulanya mungkin sekadar untuk suka-suka dan menghilangkan tekanan akhirnya menjadi ketagih. Apabila sudah ketagih, ianya sangat sukar dihentikan dan menyebabkan hilang minat terhadap pembelajaran, lebih-lebih lagi pembelajaran al-Quran.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Peranan ibu bapa merupakan satu yang sangat penting dalam pembelajaran al-Quran dan pendidikan rohani anak-anak. Sebaik-baik pendidikan al-Quran adalah bermula dari masa ibu mengandung iaitu amalan ibubapa itu sendiri seharusnya dipupuk dari awal. Ianya bertujuan untuk menyemai benih mencintai al-Quran sejak dari awal pembentukan keluarga. Contoh yang terbaik adalah amalan ibubapa dalam kalangan keluarga itu sendiri ketika berada di rumah.

Pembelajaran abad ke-21 atau dikenali PAK-21 memerlukan guru lebih berkemahiran dan berilmu kerana adanya penambahan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Menurut Ainun Rahmah et al., (2017), pembelajaran abad ke-21 lebih memberi kesan positif terhadap minat pelajar. Latihan perguruan di peringkat Institusi Pendidikan Guru hendaklah diperkasakan dengan ilmu-ilmu teknologi sejarah dengan keperluan mata pelajaran Pendidikan Islam agar dapat bersaing dengan bidang lain. Ilmu al-Quran dan ilmu Sains seharusnya tidak dipisahkan kerana isi al-Quran telah mendahului Sains. Guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran al-Quran seterusnya menerap KBAT melalui keinginan menghafaz dan mengkaji isi al-Quran. Motivasi untuk murid belajar lebih tinggi apabila mendapat sokongan dan dorongan yang baik daripada guru (Siti Norazimah & Khadijah Abd. Razak, 2021).

Guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan pembelajaran al-Quran. Aspek keupayaan guru sangat memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan al-Quran. Kesediaan seseorang guru akan memperlihatkan keupayaan guru dalam menguruskan pelbagai isu yang berkait rapat dengan tahap kemahiran (Guat et al., 2015), sikap (Lisa Agustina et al., 2017), tahap pengetahuan (Romy et al., 2019) minat (Nazarudin et al., 2020) dan amalan guru itu sendiri (Siti & Nur Fathiyah, 2020). Justeru, Guru Pendidikan Islam sangat perlu menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran bagi memenuhi tuntutan

pendidikan masa kini. Kesediaan guru melaksanakan pembelajaran sangat mempengaruhi minat dan penguasaan murid terhadap bacaan al-Quran. Pembelajaran dalam abad ini sangat mencabar golongan guru apatah lagi dengan kemajuan dunia teknologi. Kesediaan guru untuk melakukan perubahan merupakan kunci untuk melonjakkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam menghadapi pendidikan era globalisasi (Sulistio Mukti et al., 2021). Tidak dinafikan peranan pegawai-pegawai agama dan masyarakat setempat juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pembelajaran al-Quran murid. Galakan dan motivasi boleh diberi melalui ceramah dan aktiviti-aktiviti tertentu yang dirancang di peringkat organisasi. Terdapat banyak masjid atau surau-surau yang mengadakan aktiviti pembelajaran al-Quran walaupun kadang-kadang hanya dipandang sepi oleh golongan muda. Orang yang berilmu mempunyai kewajipan mengajar al-Quran kepada orang lain. Nabi Muhammad SAW bersabda : “Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya” [Riwayat al-Bukhari, no hadis. 5027]. Justeru, mempelajari al-Quran dan menyebarkannya adalah satu kewajipan ke atas setiap individu muslim.

RUJUKAN

- Daud Ismail,W.M. 2014. Perkembangan Dan Masalah Pembelajaran Al-Quran Dalam Program J-Qaf di Malaysia. *ISLAMIYYAT* 36(2): 57 – 66.
- Fatimah Ali. 2007. Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran. *Jurnal Usuluddin* 25: 146-154.
- Fenny Farhana Mohd. Sajari, H. Z. (2021). Perlaksanaan Model Tasmik j-Qaf Secara Dalam Talian : Satu Pendekatan. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(3): 1-14.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilaah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 93-109.
- Mohd Faisal Mohamed, Zawawi Ismail & Rahimi Md Saad. 2008. Celik Al-Quran: Cabaran dan Realiti Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah. *Masalah Pendidikan* 31(1): 241-253.
- Mohd Hanafi Mamat & Hamdi Ishak. 2016. Model Khatam Quran j-Qaf : Pengaruh Terhadap Impak Pembelajaran Murid. *AL-TURATH Journal of al-Quran and al-Sunnah* 1(2): 34-42.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd. Ghani M. 2015. Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tilawah al-Quran Program j-Qaf. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1): 1-13.
- Mohd Syakir Moktar & Mohd Farid Sharif. 2021. Kaedah Talaqqī Musyafahah dalam Tilawah Al-Quran. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* 32(1): 153-174.
- Mohd Syaubari Othman, Mohamad Akhir Abd Latif & A.Zamri Husin. 2019. Cabaran Dan Halangan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Dedikasi* 17: 150-168.
- Nur Afif. 2019. *Pembelajaran Berbasis Masalah Perspektif Al-Quran*. t.t.p.: Karya Litera Indonesia.

- Robiatul Adawiah Jamali & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2020. Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran. *International Journal of Modern Education (IJMOE)* 2(7): 102-118.
- Siti Nur Aziemah Rosli & Khadijah Abdul Razak. 2021. Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian Masalah Tasmik Atas Talian. *Jurnal Ilmi* 11(1): 137-143.
- Zainal Abiden Abdul Rasid & Mohd Isa Hamzah. 2022. Keunikan Model Pembelajaran Tasmik Di Sekolah Rendah Dalam Program J-Qaf Kementerian Pendidikan Malaysia. *International Journal of Social Science Research* 4(4): 209-214.